


**WAJAH
KEHIDUPAN**

Selain menghias laman rumah, masyarakat dulu kebanyakannya memilih pokok berunsurkan budaya, kegunaan harian, makanan dan ubat ubatan sebagai elemen terapi.

Kali ini, Wajah Kehidupan akan berkongsi peranan tumbuhan dalam pemilihan beberapa contoh yang boleh digunakan untuk mewujudkan suasana terapi di laman rumah.

Oleh Nur Lela Zulkipli
Nurlela@hmetro.com.my
Serdang

Pemilihan tanaman di sesebuah kawasan harus bertepatan kehendak pengguna supaya dapat menimbulkan elemen ketenangan kepada sesiapa yang melihatnya.

Menjelaskan kepentingan pemilihan tanaman, Pensyarah Kanan Jabatan Senibina Landskap Dr Shureen Faris Abdul Shukor berpendapat laman terapi antara elemen penting yang perlu wujud di organisasi awam atau swasta bagi menyamakan udara sekeliling.

Menurutnya, hasil kajian yang dijalankan di sebuah sekolah rendah di ibu negara mendapati murid lebih ge-

Terapi tumbuhan

■ Pemilihan tanaman sesuai di laman rumah mampu wujudkan suasana tenang



DR Shureen menunjukkan buku berkaitan landskap di Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Universiti Putra Malaysia, Serdang.

mar berada dalam persekitaran tanaman berkonsepkan kampung halaman.

"Melalui lukisan diserahkan kepada kami, rata-rata murid mahukan persekitaran yang dapat dilihat ketika berkunjung ke kampung berbanding hanya melihat batu bata sebagai hiasan laman moden.

"Sekiranya murid didedahkan dengan persekitaran yang dikehendaki, proses pembelajaran akan berjalan dengan lebih lancar kerana mereka akan berasa tenang di sekolah," katanya ketika ditemui di sini.

Menurutnya, bagi melaksanakan laman terapi di sesebuah lokasi, ia tidak boleh berlandaskan keputusan individu dan perlu melalui

ditemui di sini. Menurutnya, bagi melaksanakan laman terapi di sesebuah lokasi, ia tidak boleh berlandaskan keputusan individu dan perlu melalui

ditemui di sini. Menurutnya, bagi melaksanakan laman terapi di sesebuah lokasi, ia tidak boleh berlandaskan keputusan individu dan perlu melalui

FOTO: MOHAMAD SHAHRIL BADRIS SAALI

soal selidik kepada masyarakat sekeliling bagi mengetahui tanaman atau rekaan terbaik untuk dibangunkan.

"Apa lebih penting dalam menjadikan sesuatu taman supaya tampak lebih menarik adalah kerja menyelenggara yang konsisten.

"Biarpun hanya ada tiga jenis tanaman dalam sesebuah taman, namun jika tidak diselenggara, ia akan berakhir dengan semak samun dan tanaman turut rosak," katanya.

"Tidak perlu tanaman terlalu banyak di laman sekiranya mahu wujudkan taman"
DR Shureen Faris

Katanya, industri nurseri dan landskap negara dilihat semakin berkembang dengan lebih ramai tenaga pakar lahir dari dalam dan luar negara bagi membangunkan kawasan hijau supaya lebih dihargai penduduk setempat.

"Tidak perlu tanaman yang terlalu banyak di laman rumah sekiranya mahu mewujudkan taman, memadai hanya tiga jenis tanaman ditanam secara setempat supaya nampak tersusun.

"Tanpa perlu memandu jauh untuk ke taman, pelbagai jenis tanaman kini bukan saja boleh ditanam di laman rumah, malah dalam rumah dengan cara sesuai dan tepat," katanya.